

## Hubungi

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri yang berdekatan dengan lokasi anda seperti berikut:

<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>03-8323 1543</b> <b>03-8323 1561</b>
<b>JOHOR</b>	<b>07-233 0375</b> <b>06-955 6867</b>
<b>KEDAH</b>	<b>04-7360094</b> <b>04-7360093</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>09-7741005</b>
<b>PERAK</b>	<b>05-2531320</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>04-227 4993</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>09-6203344</b> <b>09-620 3341</b>
<b>MELAKA</b>	<b>06-2310334 samb. 108</b> <b>06-2310334 samb. 100</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>06-7632859</b>
<b>PAHANG</b>	<b>09-568 1950</b>
<b>PERLIS</b>	<b>04-9708402</b> <b>04-9708412</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>03-55118891</b>

## SILA IMBAS DISINI




Disediakan oleh:

**Bahagian Pembangunan Psikologi**  
**Jabatan Pembangunan Wanita**  
**Aras 23, No. 55**  
**Persiaran Perdana, Presint 4**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan PERSEKUTUAN**  
**62100 Putrajaya**  
**Malaysia**



# PRISMA<sup>n</sup>ita

**Perantara Rujukan, Intervensi, Sokongan,  
Maklumat dan Advokasi untuk Wanita**

 Ibu Pejabat  
Jabatan Pembangunan Wanita  
Aras 23, 25 & 28  
No 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4 62100 Putrajaya

 Jabatan Pembangunan Wanita  JPWanita  jpwanita  
 JPWanita  InfoJPW  jpwanita



## Apakah PRISMANita?

PRISMANita ialah perkhidmatan perantara di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) yang memudah cara rujukan, intervensi awal, sokongan, maklumat dan advokasi untuk wanita.

## Tujuan PRISMANita diwujudkan?

PRISMANita diwujudkan bertujuan untuk menyediakan akses setempat yang jelas, mesra pengguna dan dipercayai kepada wanita yang memerlukan perkhidmatan bagi mendapatkan maklumat, bimbingan, saluran rujukan, intervensi awal dan sokongan asas.

## Perkhidmatan apa disediakan?

Antara perkhidmatan utama ialah penyaluran maklumat dan direktori rujukan, pepadanan perkhidmatan mengikut keperluan, intervensi awal dan sokongan psikososial, sesi pakar berkala, khidmat nasihat serta advokasi komuniti.

## Adakah PRISMANita badan penguatkuasaan?

**Tidak.** PRISMANita bukan badan penguatkuasaan. Fungsinya ialah menjadi perantara dan menyusun akses bantuan melalui penyaluran antara agensi serta pepadanan perkhidmatan.

## Adakah PRISMANita menyediakan tempat perlindungan?

Tidak. PRISMANita bukan penyedia atau tempat perlindungan untuk wanita. PRISMANita berperanan sebagai platform perantara di PPWN yang membuat saringan ringkas, padanan keperluan, rujukan dan susulan kepada agensi atau pihak berkaitan mengikut kesesuaian kes. Bagi kes yang memerlukan perlindungan segera atau intervensi khusus, PRISMANita akan membantu menyalurkan pelanggan kepada agensi berautoriti, pakar atau penyedia perkhidmatan yang berkaitan pelanggan, saringan ringkas, penerangan, rujukan dan susulan.

## Siapa penerima perkhidmatan PRISMANita?

PRISMANita disasarkan kepada wanita yang memerlukan maklumat, bimbingan, rujukan dan sokongan berkaitan perlindungan, perundangan, kesihatan, psikososial, ekonomi dan kesejahteraan.

## Dimanakah perkhidmatan PRISMANita diberikan?

PRISMANita beroperasi di PPWN melalui kaunter khas yang disediakan untuk penerimaan pelanggan, saringan ringkas, penerangan, rujukan dan susulan.

## Adakah maklumat dirahsiakan?

Model perkhidmatan PRISMANita menekankan pendekatan berfokuskan pelanggan dan peka trauma, dengan penekanan kepada kerahsiaan serta persetujuan termaklum

## Adakah sebarang bayaran perkhidmatan yang dikenakan?

PRISMANita tidak mengenakan sebarang bayaran kepada wanita yang hadir untuk mendapatkan maklumat, bimbingan awal, rujukan dan sokongan asas di PPWN. Walau bagaimanapun, sekiranya pelanggan dirujuk kepada agensi luar, pakar atau penyedia perkhidmatan lain yang mempunyai syarat atau caj tersendiri, perkara tersebut tertakluk kepada ketetapan pihak berkenaan.

## Siapa rakan strategik?

Antara rakan strategik yang boleh terlibat ialah PDRM, JKM, KKM, NGO, kaunselor dan pakar perundangan atau pakar lain secara berkala.

SILA IMBAS DISINI

